

# ANTOLOGI PUISI AKSARA

**Penulis:**

KU HASNAN KU HALIM

**e-mel:**

hasnan@uthm.edu.my

**Abstrak:** Antologi Ini menampilkan seuntai sejumlah 32 buah sajak, sajak-sajak yang lahir dari rasa hati dan jiwa yang mencuba sebilang masa untuk menghadam memahami Inspirasi dan naluri gelora tabula rasa kemanusiaan yang terdiri menyatu dalam kepelbagalan tema serta persoalan yang mendekat dengan diri penyajak laitu tentang kehidupan. perjuangan, derita dan hiba, suka dan duka, cinta, persekitaran rasa, melaksa nasional, melangit global, kasih, sunyi, sepi, kemanusiaan dan kekeluargaan. simpati serta empati kemanusiaan. Semoga sedikit tulus usaha tidak seberapa ini mampu menyemarakkan dunia puisi pertiwi dan berasa yakin bahawa puisi akan terus segar membugar mekar di pertiwi berdaulat mahupun kampus yang malar segar dengan warna warni korpus kelmuan sarjananya setidaknya ini lah buah tangan kecil penulis untuk kampus tercinta dan pertiwinya di garap lakar melalui kata kata puitis estetika bersalut jutaan makna. Akhir kata dengan rasa rendah hati di ucapkan jutaan terima kasih teramat bermakna bersandar harapan buku ini dapat memberikan manfaat terhadap pembaca dan dapatlah sedikit sebanyak menghibur ceria MINDA DALAMAN pembaca dalam membugarkan DERIA RASA simpati SEKALIGUS mengukir rasa empati diri dan sekitarnya.

**Kata Kunci:** Antologi, Melayu, kontemporari, aksara dan sastera



# Antologi Puisi Aksara

*Bercerita Tentang Mata Hati  
Cinta Tabula Rasa*

Ku Hasnan Ku Halim (Pak Ku)



# Antologi Puisi Aksara

*Bercerita Tentang Mata Hati  
Cinta Tabula Rasa*

Ku Hasnan Ku Halim (Pak Ku)



2025

© Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2025

Hak cipta terpelihara. Dilarang menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Penulis:  
Ku Hasnan Ku Halim

Diterbitkan oleh:  
Penerbit UTHM  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor.  
No. Tel: 07-453 8698 / 8529

Dicetak oleh:  
Attin Press Sdn. Bhd.  
No 8, Jalan Perindustrian PP4, Taman  
Perindustrian Putra Permai,  
43300 Seri Kembangan, Selangor.  
No. Tel: 03-89390660

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>  
E-mel: [pemasaran.uthm@gmail.com](mailto:pemasaran.uthm@gmail.com)  
<https://publisher.uthm.edu.my/omp/index.php/penerbituthm/index>

Penerbit UTHM adalah anggota  
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia  
ISBN 978-629-490-182-7



# ISI KANDUNGAN

Seraut Suara Aksara Bicara	vii
Kata Pengantar	ix
Untaian Aksara	1
1. Warga Jiwa Mandarhika	2
2. Memberi Makna Luahan Tabula Rasa Merdeka	6
3. Darah Menghimbau di Pertiwi Segara	8
4. Kemerdekaan Kota Sajak Lara Menghiba	9
5. Kepada Saudara Pejuang	10
6. Perihal Layang Layang	12
7. Pengemudi Watan	14
8. Politikus dan Komponis-Kus	16
9. Aku Dah Mahathir Itu	18
10. Rindu	21
11. Musim Awan Mengawan	22
12. Mengukir Sajak Tuhan	23
13. Kehilangan	24
14. Selayang Untaian Pagi	26
15. Kami Bertiga	28
16. Peredah Segara	29
17. Hidup	30



18. Jahat	31
19. Ledakan Detik Payung Ilham	32
20. Pisau Luka Kata	33
21. Tiada	34
22. Katakan kepada Mereka	35
23. Sebelum Kita Ada	37
24. Pisau Kata Pembawa Luka	38
25. Darah Yang Terhiris Mengalir	40
26. Batu Arca Tempelan Neraca Hidup	41
27. Arca Arca Kanvas Kehidupan	42
28. Dari Kacip Helah Nafas Pemula	43
29. Pembuli Ber Cokmar	45
30. Tidakkan Hak, Halal Kan Lakon Layar	47
31. Menunggang Sampai Memupus	49
32. Amanah	51
Biografi	53



# SERAUT SUARA AKSARA BICARA



Assalamualaikum Wbt....

Alhamdulillah dan puji syukur ke hadrat Allah swt kerana rahmat dan hidayahnya penulis mampu menyelesaikan “ANTOLOGI PUISI AKSARA BERCERITA TENTANG MATA HATI CINTA TABULA RASA”. Antologi ini menampilkan

seuntai sejumlah 32 buah sajak, sajak-sajak yang lahir dari rasa hati dan jiwa yang mencuba sebilang masa untuk menghadam memahami inspirasi dan naluri gelora tabula rasa kemanusiaan yang terdiri menyatu dalam kepelbagaian tema serta persoalan yang mendekati dengan diri penyajak iaitu tentang kehidupan, perjuangan, derita dan hiba, suka dan duka, cinta, persekitaran rasa, melaksa nasional, melangit global, kasih, sunyi, sepi, kemanusiaan dan kekeluargaan, simpati serta empati kemanusiaan.

Penulis hanya mampu melahirkan kata-kata agar ianya mampu dihadam dan dihayati malah penulis juga menyedari akan bahawa buku antologi puisi ini masih banyak yang perlu ditambah baik untuk itu penulis amat berharap pembaca mampu menerima seadanya. Semoga sedikit tulus usaha tidak seberapa ini mampu menyemarakkan dunia puisi pertiwi dan berasa yakin bahawa puisi akan



terus segar membugar mekar di pertiwi berdaulat mahupun  
kampus yang malar segar dengan warna-warni korpus  
keilmuan sarjananya setidaknya inilah buah tangan kecil  
penulis untuk kampus tercinta dan pertiwinya digarap lakar  
melalui kata kata puitis estetika bersalut jutaan makna.

Akhir kata dengan rasa rendah hati diucapkan jutaan terima  
kasih teramat bermakna bersandar harapan buku ini dapat  
memberikan manfaat terhadap pembaca dan dapatlah  
sedikit sebanyak menghibur ceria MINDA DALAMAN  
pembaca dalam membugarkan DERIA RASA simpati  
SEKALIGUS mengukir rasa empati diri dan sekitarnya.

**KU HASNAN BIN KU HALIM (PAK KU)**



## KATA PENGANTAR



**S**yukur ke hadrat Allah swt atas limpah rahmat dan izin-Nya, buku *Antologi Puisi Aksara–Bercerita tentang Mata Hati* ini dapat diterbitkan dengan jayanya. Buku ini merupakan sebuah karya yang istimewa, mengandungi 32 buah puisi hasil nukilan Dr. Ku Hasnan Ku Halim, seorang pemuitis dan penulis prolifik yang juga merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Setiap bait puisi yang terkandung dalam antologi ini bakal membawa para pembaca menyelami pelbagai estetika dimensi kehidupan, perjuangan, cinta, suka dan duka, kekeluargaan, serta kemanusiaan. Melalui sentuhan kata yang penuh makna, penulis berjaya menterjemahkan pengalaman dan emosi manusia kepada sebuah seni puitis yang indah dan mendalam.

Buku ini bukan sahaja mencerminkan sensitiviti entuasi penulis terhadap isu-isu sejagat, malah turut menyerlahkan keupayaan puisi sebagai medium untuk menyentuh jiwa dan menyampaikan mesej yang penuh nilai. Ia juga menjadi sebuah ruang untuk pembaca merenung makna



sebenar kehidupan, menghargai hubungan sesama insan, dan merasai kekuatan cinta dalam pelbagai bentuknya.

Semoga Antologi Puisi Aksara–Bercerita tentang Mata Hati cinta Tabula rasa ini dapat memberikan manfaat kepada pembaca, mencetuskan inspirasi, dan membuka ruang untuk apresiasi yang lebih mendalam terhadap dunia seni dan kesusasteraan sekaligus membugarkan rasa yang tinggi kepada simpati dan empati yang tinggi.

Selamat menikmati keindahan bait-bait puitis yang dihamparkan.

Prof. Dato' Ts. Dr. Ahmad Mujahid Ahmad Zaidi  
Timbalan Naib Canselor  
Akademik dan Antarabangsa  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)



# SEUN...TAIAN AKSARA






## Warga Jiwa Mandarhika

Siapa.....  
yang mampu menelinga  
Raungan penuh harap  
Meneka gemilang sejarah  
Dalam perjalanan tidak bernoktah  
Siapa yang mampu menduga  
Kebisuan yang menutup ruang hidup  
Seperti tiba-tiba sahaja  
Bergema memecah bening pagi  
Keramat Ogos itu  
Tertanam di mata ingatan  
Mimpi-mimpi esok penuh rasa insaf  
Siapa punyai kudrat membina kota teguh  
Tanpa simpati tangan asing  
Siapa yang mampu mengungkap  
Erti suatu merdeka dan jiwa laranya  
Kalau urat fikirnya terus tersepit  
Di belunggu rekah bumi di kaki sendiri  
Hati di penjara tembok jahil  
Mulut melaung tanpa suara  
Diri menggelabah dan terasa terasing  
Siapa yang benar-benar mengerti  
Nilai kemerdekaan abadi  
Sedang diri terus hanyut tanpa jejak  
Meraga diri mengadai cinta di telapak ombak kuasa  
Sekalipun segala-galanya berpunya





## Darah Mengimbau di Pertiwi Segara

Leluhur kami adalah  
mereka yang berbudi berdaya dan bermaruah  
Tanah pertiwi yang di titip wariskan  
adalah sarat dengan subur mekar membugar mewangi  
Pencerah bahagia untuk hari muka  
Agar para penyambung waris turunannya  
meneruskan agenda kisah naratif cerita  
Berbaur duka lara derita sengketa  
Dan bahagia serta abadi membuah gembira

Untaian jalur berbaur untai regekan masa  
Mengejar berlari merentas aksara cerita lara  
Berkembang dalam taman mekar menghiasi persada  
berpadu seakrab jiwa menjelma bahagia berbudi jua dalam  
untaian wewenang ragam sehala semerbak harum baunya

Tiada berjela selaksa bernoda mesra asasnya  
Sihatlah fatamorgana mewangi bersih putih tenang mekar  
subur sihat membugar  
Jika ada sembarangan lalang liar  
kami akan ragut akarnya sampai ke umbi  
Kami cekik dengan bengis pengganggu sinar bahagia yang  
kami azam iltizamkan  
Demi mencurah bahagia ke mana mana dan sampai bila  
bila





## Kepada Saudara Pejuang

Bendera putih  
Bukan tanda kita mengalah  
Bukan juga tanda kita lelah menadah  
Bendera putih  
Bukan tanda kita di bawah  
Hanya ada sesama kita untuk dipercaya  
Bendera putih membara kasih memerah waja  
Berkongsi amarah pada pengkhianat durja  
Berkongsi duka yang memecah di dada  
Berita itu telah tersebar  
Berita besar Sampai pada anak anak semua  
Mereka mendengarkan  
Tiap hati sudah bertanya dan maka berjawablah  
Atas nama aksara kemanusiaan dan keadilan segala sumpah  
bicara Seorang patriot bangkit menentang penjarah bangsa  
Beberapa kali ruang penjara mendakap hiba menyapa  
Kini menerima hadiah terbesar balasan jasa selaksa  
Tembok memenjara pemberian atas perintah langit negara,  
Siapa yang bicara nada suara tiada serupa  
Ia harus sedia untuk menerima buah tangan negara  
Pemenjaraan yang manis segar  
Pemenjaraan yang terbuka  
Masuklah pejuang terchinta  
Saudaraku pejuang  
Kamu telah belajar dari sengsara  
derita pengalaman selaksa





## Pengemudi Watan

Garis sempadan  
Telah di sukai  
Tapi bagaimanakah cara menembak dengan otak  
Menghiris dan mengelar  
Dengan patah patah perkataan  
Angina tidak ingin berbalah dengan kata kata  
Ketika kau melukiskan darah dengan berbagai warnya  
Zahirmu  
Setahun sebelum pertwi bebas  
Dalam zaman gejolak  
Umat bemarkuah menuntut hak daripada penjarah  
Yang berdekat meragut maruah martabat dan erti bebas  
Mahardika

Zahirmu  
Daripada cetusan dan ledakan  
Semangat juang sekalian cendekiawan  
Bahasawan  
Sasterawan  
Wartawan  
Budayawan  
Agamawan  
Dan haiwan haiwan yang berbaki mulianya  
Yang berpadu akal dan ilmunya  
Yang memadukan erti wawasannya





## Aku dan Mahathir itu

Kala kita berhenti  
Tatapan seolah menarik kembali  
Teringat sisa memori  
Tentang kisah yang pernah di lalui  
Akan kah membawa kita kembali  
Atau meninggalkan lalu di bawa pergi  
Namun halnya detik ruang dan waktu  
Rindu ingatku selalu tentang mu  
Aku amat kenal Mahathir  
Walaupun aku tahu Mahathir tidak kenal aku  
Tapi biarlah begitu  
Kerana Mahathir berhak dikenal atas jasanya  
Dan aku berhak mengenang mengenal Mahathir atas jasa  
budi bakti dan segala  
Aku dan Mahathir...  
Walau tidak saling mengenal  
Ku fahami gelodak dan gejolak  
Prahara yang bermukim di dada  
Sebagai pendukung setia  
Aku selalu bimbang  
Kau kehilangan padang perjuangan  
Makanya Tentu kau memerlukan  
Manusia seperti aku  
Yang tidak terbahagi kata hati  
Setelah puluhan tahun desir itu berlalu pergi  
Mahathir....






## Musim Awan Mengawan

Sepotong kenangan di piring waktu  
Yang dingin ku cicipi perlahan-lahan  
Angin memerah awan  
Bila gerhana hadir  
Hujan menjadi cinta  
Ikan menjadi kaca  
Bulan menjadi pesta  
Pahit dan manis pun mencair  
Bercampur baur  
Di lidah ingatan  
Pohon pohon melompat  
Mencari mata air  
Di pinggiran denai  
Selembah subuh  
Di pusatkan sederet waktu  
Langit di rusuk menara  
Sunyi di palit tipis pada kulit bukit dan wajah tebing  
Ada bukit jiwa  
Yang menunggu pagi  
Tanah, bangunlah kamu  
Tadahlah dugaan,  
Hiruplah kerinduan  
Awan kehilangan anginnya  
Mereka berkumpul  
Di padang nasib  
Tempat musim berikrar






## Kehilangan

Engkau kalimah yang tertanggung sekejap  
Melalui jeda  
Oleh satu noktah ku titikkan  
Menjadi satu garisan memanjang  
Pada titik-titik yang kusambungkan  
Menjadi lengkung  
Oleh satu pilihan yang sengaja ku lakarkan  
Menjadi tanda soal oleh satu noktah yang tersembunyikan  
lantas menghilang  
Hilang Kuasa  
Maknanya hilang peluang  
Siapa yang tidak dapat menentukan masa hadapan  
Masa silamnya pasti di ukir kembali  
Bacalah catatan terkini  
Banyak bangsa agung  
Kehebatannya di kerdilkan  
Keagungannya di kecil remehkan  
Dalam naratif nafas aksara baru  
Dalam naratif tafsiran baru  
Kesilapan dan kesalahannya di perbesarkan  
Buat menimbulkan lebih banyak pertanyaan demi  
pertanyaan  
Hilang kuasa ibarat hilang nyawa  
Raja yang mangkat  
Makamnya di tetapkan oleh orang lain





## Kami Bertiga

Hidup ini  
Sungguh tidak adil pada kita  
Jika pelangi menjadi indah  
Kerana bezanya adalah warna  
Jika taman menjadi indah kerana bunganya bagai puspa  
mewangi  
Sekawan angin di jendela  
Tidak berkepak  
Tidak berteriak  
Sinar bulan di langsir  
Tidak berombak  
Tidak berkocak  
Dalam kamar ini kami bertiga  
Aku,  
Pisau  
Dan aksara kata-kata  
Kalian tahu  
Pisau barulah pisau  
Kalau ada darah di matanya  
Tak peduli samada ianya darahku  
Ataupun darah kata-kata





Kadangkala merencana masa hadapan  
Seperti memilih menu di kedai makan  
Dipilih makanan juadah enak  
tapi yang datangnya  
lauk-pauk yang mentah bersekali wajah pelayan yang  
mencuka keji  
Malah nasinya pun tak cukup  
entah jelatah dan membasi  
Seringkali aku berfikir  
Apakah tujuan hidupku  
Padahal  
lanya sudah jelas

Sesungguhnya solatku  
Ibadahku,  
Hidupku  
Matiku  
Hanyalah untuk Allah  
Tuhan semesta alam






## ledakan Detik Payung Ilham

Usah merenung karat  
Dan pudar pada sebuah dinding bersosok lama  
Kerana di dalamnya tersimpan  
Kenangan payah-payah  
Yang tak pernah hancur  
Di dalam ingatan  
Lantas ku tulis Sabtu dan Ahad dengan dakwat hujan  
Tulisanku tersangkut basah  
Menyebabkan dingin  
Mentari muram beruap di bibir kaca  
Ku lihat payung berderet sopan  
Mengenderai aspal  
Masuk dan keluar ke mulut pasar  
Hujan melebatkan kasih  
Memaut bahu memeluk lengan  
Payung ilhamku akhirnya terbang  
Huruf hurufnya pun tumbang tewas  
Kaukah itu tunduk basah  
Di hempap jutaan titik  
Dalam lopak aksara antologi puisiku?





## Tiada

Kamu bagaikan buku yang tak pernah tamatku baca  
Kamu adalah lumut di dalam tempurung kepalaku yang  
menghijau

Syair ini juga mewaktu

Yang jelas usianya memanjang

Dari usiaku dan usiamu

Setiap ruang yang tertutup akan retak

Kerana mengandung waktu

yang selalu mengimbangkan

Dan akhirnya akan meledak

Bila tenaga waktu terus terhadang terhalang

Cinta kasih pada juwita

Ikhlas dan benarnya

Terjadi sendiri sekadar menyadari ternyata ianya ada

Tuhan senantiasa ada

Menyaksikan adaku dalam tiada

Senyap-senyap

Dia siapkan kapal dan samudera

Melayarkan kita

Keluar dari Rahim ibunda


Senyap-senyap di rentapnya kita

Dalam gerbang senja tanda-tanda dan tanda

Di bawah kabut sehabis badai

Disiram tangis yang menderai






## Sebelum kita ada

Cinta antara kita berdua  
Adalah umpama istana dan porselinnya  
Angin tidak membawa kedamaiannya kasih,  
Membelitkan kita dalam pelukan  
Bumi telah berikan kita kekuatan  
Kerana kita telah melangkah lalu maju  
Dengan tegas serta penegasan  
Sebelum tuhan membutuhkan kita  
Dalam secubit asin kehidupan  
Kita semua selembur kaca cahaya  
Yang mengitari halo-NYA  
Kemudian kita dipecah-pecahkan  
Kerana runcing Rahsia-NYA  
Kita terasing  
Dada pantai seringkali terluka  
Dihempas sang ombak  
Tetapi kau masih melakar nulis  
Harapanmu di atas puing pepasir  
Dada mendada pantai  
Seringkali luka di lukai  
Oleh jejak-jejak  
Namun kau masih memeluk upaya  
wajah bulan di pinggir hutan  
Pra-ingatan ternyala  
Namun kita lupa segala  
Bahawa kita pernah ada





## Darah yang Terhiris Mengalir

Adalah dua burung  
Bersama membuat sarang  
Kami berdua serupa burung  
Terbang tanpa sarang  
Gelisahmu adalah gelisahku  
Berjalanlah kita bergandingan  
Dalam hidup yang nyata  
Dan kita cintai  
Lama kita saling bertatap mata  
Dan makin mengerti  
Engkau adalah peniti  
Yang telah disematkan  
Aku adalah perahu  
Yang berlabuh dan ditambatkan  
Kita berdua adalah darah dan lava  
Yang tak mungkin di uraikan  
Darah siapa di mata pisaumu  
Menghiris-hiris urat dan daging  
Kalau darahmu sendiri  
Kau raunglah  
Dan kalau darahku  
Aku  
Tak pernah merasa pedihnya  
Meskipun luka dan di lukakan apatah lagi melukakan





## Arca-Arca Kanvas Kehidupan

Wahai rembulan yang bundar  
Jenguklah jendela hidupku  
Seringkali mengelamun tidur sendirian  
Mimpi tak keruan  
Hanya bertemankan hati yang rindu  
Di bawah pohon merbau  
Di atas bangku panjang  
Di bawah langit biru  
Di atas bumi kelabu  
Hidup ini seperti sebatang pensel  
Umurnya di asah pengalaman  
Semakin tajam semakin pendek  
Dan akhirnya  
Lenyap  
Di meja kehidupan

Soalnya Cuma  
Apa yang di nukilkan  
Buat pedoman  
Atau cemuhan?  
Istirahlah dua buah hati rindu.....





## Pembuli Ber 'Cokmar'

Berselindung di sebalik wajah putih  
Menganggap mereka suci  
Bermain nada dan kata lembut beriman luhur berbaur  
angin syurga  
Dengan sedikit kebal kuasa  
Maka di halalkan segala  
yang memihak padanya  
untuk menumpang nama  
Lantas jika ada yang gagal ditumpangi  
dicuba tunggangi dan diabdikan  
Dengan janji-janji kununnya abadi  
Makan dibuli dan dinafi  
Dasarnya...  
Seorang pengecut  
Seorang pembohong  
Seorang per masalah

Adalah seorang yang gagal menghadapi sesama manusia  
dengan berani  
Walau dicuba untuk berbohongi  
Jika dipercayai sekalipun hanyalah

Mereka yang berkongsi darah pengecut yang sama jenisnya,  
Kamu mampu membungkus gerak gerimu, Kamu mampu  
kebal di lindungi gua yang kelam berbalam





## Menunggang sampai Memupus

Lari dari sesuatu yang menyakitimu  
Akan semakin menyakitimu  
Maka janganlah lari  
Terlukalah sampai luka kamu sembuh  
Kemajuan setiap orang memiliki jalan yang berbeza  
Kita akan sampai di tempat yang seharusnya  
Bunga-bunga mekar mewangi pada waktu yang berbeza-  
beza  
Namun semuanya membuat taman itu menjadi terindah  
lagi mengindahkan  
Perkembangan naratif hidup kita tidak akan membuatkan  
kita bergagal  
Jangan bandingkan hidup kita dengan orang lain  
Kita istimewa dengan cara kita sendiri  
Jangan sesekali menenggelamkan orang yang mengajarimu  
berenang  
Jangan pula menjadi lawan bagi orang yang telah  
mengajarimu berdiri  
Bagi pemuda-muda isteri adalah kekasih untuk bercinta  
Bagi pemuda dewasa isteri adalah teman berbicara  
Bagi pria tua isteri adalah perawat percuma  
Lahir itu dialog orang  
Nama diberikan oleh orang  
Pendidikan diperolehi dari orang  
Pangkat diberikan oleh orang  
Gelaran diberikan oleh orang



## BIOGRAFI



Ku Hasnan Ku Halim atau nama penanya “Pak Ku” adalah merupakan Tenaga Akademik (Pensyarah Kanan) di Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Berasal daripada Teratak Beras Terbakar Kampung Raja Mukim Padang Matsirat Langkawi Kedah Darul Aman. Telah berkhidmat di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia selama 22 Tahun. Giat aktif berpuisi dan menulis di dalam acara rasmi universiti dan komuniti sekitarnya selain pernah mendeklamasikan puisi di hadapan YTM Duli Tuanku Baginda Sultan Johor di dalam Majlis Acara Rasmi Pesta Konvokesyen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Membugar segar minatnya kepada seni budaya dan sastera semenjak dari bangku sekolah. Mendeklamasikan puisi di hadapan YTM Duli Tuanku Baginda Sultan Negeri Kedah semasa pengistiharan Bandar Pelancongan Langkawi, Kedah Darul Aman.

Giat aktif di dalam acara mendeklamasikan puisi semenjak di bangku persekolahan sehingga ke alam kampus. Pernah menyertai bidang teater, pantun dan puisi di Kolej Kediaman di dalam GRUP PEMUISI UKM. Pernah menerima Anugerah Pejuang Sastera Dato’Onn selama tiga Penggal di Kamsis Dato Onn Universiti Kebangsaan Malaysia serta anugerah MAKUM (Majlis Kebudayaan Universiti) katagori Puisi. Dan



seringkali menyertai acara jemputan baca puisi di negeri Johor seperti PUBARA dan kegiatan penulisan anjuran Persatuan Penulis Johor serta Dewan Bahasa Pustaka zon selatan selain aktif memenuhi acara mendeklamasikan puisi ciptaan tulisan beliau di dalam acara-acara rasmi Universiti dan Komuniti sastera sekitarnya.

Berpengalaman di dalam bidang pendidikan selama 22 tahun. Sebagai Guru di Kementerian Pendidikan Malaysia untuk Program Matrikulasi, Eksekutif Kanan di KUB-ROC Malaysia, Pensyarah Akademik di ITAR, Tenaga Pengajar di Open University Malaysia (OUM) dan tenaga akademik di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Terlibat aktif di dalam pelbagai program Patriotisme dan Kenegaraan, Program Latihan Khidmat Negara, Pengembangan Ilmu Kenegaraan dan patriotisme melalui kegiatan beliau di Biro Tatanegara, terbabit aktif menulis buku teks Hubungan Etnik kebangsaan, memberikan kuliah dan ucapan akademik untuk bidang Patriotisme dan Kenegaraan Malaysia, bidang Tamadun serta Peradaban (TITAS), Kursus Penghayatan Etika serta Peradaban Malaysia dan juga Kursus Integriti serta Anti Rasuah (KIAR).

Beliau menerima Anugerah Penerbitan pada tahun 2014 serta Anugerah Pengamal Media pada tahun 2017 daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Menerima Anugerah Taat Setia pada tahun 2013 dan selanjutnya Anugerah Bitara Kirana pada Tahun 2024 daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia serta turut menerima Anugerah Makalah Prosiding Terbaik dari Penerbit UTHM pada tahun yang sama daripada pihak Universiti. Beliau turut disenaraikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebagai Senarai Pakar Universiti Awam di dalam Bidang Sains Politik. Merupakan



graduan Sarjana di dalam bidang Sains Politik dan Sosiologi Politik. Antara Buku Tulisan beliau secara berseorangan adalah buku Darjat Tidak Datang Bergolek, buku Bahtera Marhalah Bangsa, buku Metamorfosis Bangsa, buku Di mana Bumi Dipijak di Situ Langit di Junjung, buku Di Bawah Kibaran 1 Bendera, buku Tegar Merdheka, buku Aksara Kenegaraan, buku Tegar Negara manakala menulis secara kolaborasi Buku Teks Kebangsaan Hubungan Etnik, buku Kepimpinan Gemilang UTHM, buku Koleksi Rencana Merdeka, buku Tun Hussein Onn; buku Permata Menara Gading, buku Katameneh Ideologi Komunis, buku Matlamat Tidak Menghalalkan Cara, buku Inovasi Sosial; Pemangkin Pembangunan Lestari dan buku Komuniti Mampan Tonggak Malaysia Madani.

